

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/01/2018

**PENUBUHAN SURUHANJAYA SIASATAN DIRAJA TRAGEDI MEMALI**

# 'Tiada maaf bagimu Dr Mahathir'

➔ Balu, mangsa tragedi berdarah mahu keluarga dapat pembelaan

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bh.com.my

► Baling

**M**eskipun lebih 30 tahun tragedi berdarah Memali berlalu, namun keperitan memendam memori pahit menyaksikan suami dan rakan sekampung dibunuh selepas dituduh sebagai penganas yang mahu menubuhkan kerajaan, masih terpahat dalam ingatan Solehah Husain.

Sepanjang tempoh itu, Solehah, 65, balu kepada Ibrahim Mahmud atau dikenali sebagai Ibrahim Libya, tidak pernah berhenti mengharap pembelaan atas kematian suaminya dan penduduk kampung yang menjadi mangsa, melalui penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) tragedi Memali.

## Bimbang RCI terkubur

"Saya dan penduduk kampung, khususnya yang menjadi saksi insiden itu, hanya mampu memendam keperitan sejak tragedi Memali berlaku pada 1985, kerana keengganan kerajaan yang tidak berperikemanusiaan.

"Secara jujur, saya tidak akan memaafkan Tun Dr Mahathir Mohamad (Perdana Menteri ketika insiden Memali) serta pastinya perkara yang sama dirasai semua mangsa yang kehilangan keluarga termasuk yang tercedera.

"Sekiranya bekas Perdana Menteri itu kembali menjadi pemimpin nombor satu negara, ia sesuatu yang sangat menyedihkan kerana RCI sudah pastinya akan terkubur dan jika ditubuhkan sekalipun, ia pastinya tidak telus.

"Keperitan yang saya lalui bersama semua mangsa, sesuatu yang



[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]

**Solehah menunjukkan kesan peluru di dinding papan stor padi ketika kejadian Memali di Kampung Memali, Baling.**

sukar digambarkan. Jika Mahathir mahu memohon maaf dan datang sendiri ke Memali pun saya tidak akan benarkan beliau masuk ke rumah, apatah lagi berjumpa secara bersemuka," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Memali, di sini semalam.

Solehah berkata, dia tidak menyangka Dr Mahathir boleh dinamakan pakatan pembangkang sebagai calon Perdana Menteri dan pastinya implikasi ke atas tindakan itu akan menyebabkan sejarah buruk berulang.

Katanya, sejarah Mahathir selaku Perdana Menteri amat teruk dan kini dinamakan semula semula sebagai calon Perdana Menteri.

"Mana mungkin 'pembunuh' boleh jadi Perdana Menteri...saya sangat terkejut dan rasa benci selepas apa yang berlaku kepada saya sekeluarga dan orang kampung.

"Sepatutnya rakyat janganlah terpedaya dengan lakonannya, janganlah sokong beliau. Apa yang sudah dilakukannya tidak dapat ditebus dengan perkataan maaf. Bagi saya, tiada maaf bagimu," katanya.

## Mahu RCI disegerakan

Mangsa yang terselamat selepas terkena tujuh das tembakan, Abdullah Che Soh, 71, mengakui setiap kali berada di hadapan cermin, rasa marah dan kecewa membuat-buak melihatkan parut pada tubuhnya, sehinggalah mahu RCI disegerakan.

Katanya, dia antara yang paling hadapan mempertahankan Ibrahim Libya daripada ditahan kerana tindakan kerajaan ketika itu terlalu keterlaluan.

"Sehingga kini, kesan tembakan iaitu empat di tangan, tiga di dada

dan satu pada pinggang membuatkan saya rasa marah mahukan pembelaan. Maka hanya melalui RCI sahaja, kebenaran boleh terungkap.

"Bayangkan saya terpaksa dirawat di Hospital Alor Setar dengan kedua-dua tangan digari pada katil, selain di lokap selama sebulan dan ditahan secara tidak sah selama lima bulan di Penjara Kamunting, Perak. Jika saya dan mangsa tidak dapat pembelaan di dunia, kami akan tuntutan di akhirat.

"Apabila saya tutup mata, saya dapat rasakan seolah-olah kejadian ini baru berlaku dua tiga hari. Tindakan kerajaan ketika itu sangatlah kejam kerana sanggup membunuh dan mencederakan kami yang tidak berdosa dan tidak berdaya demi mempertahankan kebenaran," katanya yang ditemui di rumahnya.

BH - 11/1/2018  
P5-8